

MESYUARAT PENYELARASAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROJEK KOMUNITI SEMPENA PROGRAM ENHANCED PRIMARY HEALTH CARE (EnPHC) KKM

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) dengan diketuai Pn. Noraini Mustafa, Pengarah Bahagian Perancangan & Penilaian Program dan pegawai iringan telah melaksanakan beberapa siri mesyuarat Projek Komuniti sempena Program EnPHC KKM di PKD Gombak dan PKD Kuala Langat pada 4 dan 8 Ogos 2017. Mesyuarat ini juga disertai oleh NGO kesihatan iaitu wakil Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF), Kelab Kecergasan Kuala Langat dan Gombak serta Panel Penasihat Klinik dan sebagainya.

EnPHC bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan komuniti/ penduduk dengan mendaftarkan maklumat ke dalam sistem MoVES Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendaftaran ini amat penting kepada kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti pada masa akan datang.





